



PERNYATAAN ANTI-RASUAH TEKUN CORPORATION SDN BHD

TEKUN Corporation Sdn Bhd sebagai sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti pengutipan hutang, perdagangan (Runcit dan F&B) dan pengurusan tapak parkir sentiasa mengamalkan toleransi sifar terhadap rasuah dan segala aktiviti yang berunsurkan rasuah dalam urusan operasi dan urusniaganya. Ini bermakna TEKUN Corporation Sdn Bhd tidak akan bertolak ansur dan akan bertindak tegas membanteras rasuah serta kegiatan yang berunsur rasuah.

TEKUN Corporation Sdn Bhd sentiasa komited dan berterusan dalam melaksanakan tadbir urus terbaik dan menangani risiko rasuah dengan memastikan segala urusan dilaksanakan secara telus, berintegriti dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Pernyataan Anti-Rasuah ini adalah terpakai kepada semua warga kerja TEKUN Corporation Sdn Bhd. Warga kerja yang melakukan jenayah rasuah akan berdepan dengan tindakan sepertimana yang digariskan dalam Kod Etika TEKUN Corporation Sdn Bhd dan/atau undang-undang jenayah negara.

Pernyataan Anti-Rasuah ini terpakai kepada semua pihak yang berurusan dengan TEKUN Corporation Sdn Bhd termasuk konsultan, pembekal dan vendor.

TEKUN Corporation Sdn Bhd komited untuk:

- a) Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan lain-lain akta, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan;
- b) Mewujudkan budaya berintegriti dan ketelusan di tempat kerja serta mengadakan dan menambahbaik program integriti dan anti-rasuah secara berterusan;
- c) Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti rasuah serta salah guna kuasa menerusi Polisi Pemberian Maklumat (*Whistleblowing Policy*);
- d) Memberi kerjasama penuh kepada agensi anti-rasuah iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung amalan rasuah di dalam TEKUN Corporation Sdn Bhd, agen yang dilantik, pihak yang dikawal selia, pembekal dan mana-mana pihak yang berurusan dengan TEKUN Corporation Sdn Bhd; dan
- e) Mengenakan tindakan undang-undang dan/atau tata tertib bagi sebarang pelanggaran ke atas dasar, polisi dan prosedur yang berkaitan.

HUSNAIDY BIN IBRAHIM
Pengurus Besar
TEKUN Corporation Sdn Bhd
13 Februari 2026